

# INSENTIF JANA PENDAPATAN

**P**ADA Bajet 2017, berlaku pengurangan kira-kira 20 peratus (RM1.5 bilion) untuk peruntukan kewangan universiti awam. Dilaporkan kebanyakan universiti awam telah menyemak semula semua lantikan profesor antara-bangsa mereka. Ramai yang tidak disambung lagi kontrak mereka. Sekiranya profesor berkenaan mampu menjana pendapatan kepada universiti melebihi upah dan pengajian mereka, sudah tentu lebih berbaloi menyambung khidmat mereka. Namun demikian, nilai akademik bukanlah terletak pada wang ringgit semata-mata.

Dilaporkan sebuah universiti awam terpaksa membelanjakan kira-kira 60 peratus daripada peruntukan kewangan mereka hanya untuk membayar gaji kakitangan sahaja. Ada universiti yang mempunyai 50 profesor, manakala bilangan pelajarinya hanyalah kira-kira 7,000 (1:140). Ada pula universiti awam yang hanya mempunyai 30 profesor tetapi bilangan pelajarinya hampir 15,000 (1:500).

Ada pula universiti awam yang mempunyai hampir 25,000 pelajar dengan 300 profesor (1:83). Disebabkan pendapatan daripada yuran pelajar sangat terhad dan sukar dinaikkan, manakala penajanaan pendapatan universiti banyak bergantung pada penggunaan kepakaran tenaga pensyarah yang optimum. Justeru dengan kepakaran yang ada, profesor perlu menjana pendapatan universiti.

Paul Hoskins, seorang pengkaji mengenai penajanaan pendapatan universiti mengatakan bahawa pihak universiti hanya mengeluarkan kira-kira satu peratus untuk kos pemasaran berbanding pihak industri yang membelanjakan sehingga 15 peratus daripada pendapatan mereka untuk menjalankan kegiatan pemasaran. Kos pemasaran yang seimbang menjamin rangkuman sepenuhnya dalam pemasaran. Namun demikian, pemasaran berkualiti perlu diberi keutamaan berbanding kuantiti pemasaran. Dikhuatiri, universiti awam lebih mengutamakan kuantiti



berbanding kualiti. Dalam konteks ini, pemasaran juga bermaksud kaedah untuk menjana pendapatan kepada universiti.

Banyak universiti awam menyedari pentingnya penubuhan yayasan universiti untuk menjana pendapatan sendiri. Penubuhan yayasan mendorong pihak universiti mempunyai hubungan yang lebih luas dengan industri. Namun, pendekatan universiti perlu lebih bersifat komersial. Maka, pihak bertanggungjawab perlu lebih berorientasikan perniagaan dengan merangkum wawasan universiti sekali gus. Contohnya, bayaran perlu dibuat untuk menerbitkan jurnal berimpak tinggi. Sebaliknya, blog dan artikel jurnal boleh dijadikan audio video untuk menjana pendapatan. Ramai yang lebih suka menonton audio visual berbanding membaca jurnal. Universiti California di Amerika Syarikat (AS) telah berjaya meraih AS\$182 juta melalui fi hak cipta dan harta intelek pada 2011.

Dalam kesibukan pensyarah membantu universiti untuk menjana pendapatan sendiri, sedar tidak sedar peruntukan untuk menjalankan penyelidikan mereka pula dikenakan cukai barang dan perkhidmatan (GST). Sebenarnya, semasa menyediakan cadangan penyelidikan sebelum mendapat kelulusan, perbelanjaan yang dikemukakan tidak mengambil kira GST. Apabila geran penyelidikan diperoleh, tiba-tiba geran berkenaan yang sudah semestinya dipotong, dikenakan pula GST.

Sesungguhnya, peruntukan untuk membeli peralatan bagi menjalankan kegiatan penyelidikan bukanlah melibatkan jual beli barangan untuk maksud jualan. Peralatan yang diperlukan untuk menjalankan kajian adalah alat-alat yang sangat diperlukan. Justeru, sewajarnya peruntukan



**SEMUA bentuk geran penyelidikan sewajarnya diberikan pengecualian cukai kerana dijalankan untuk meningkatkan ilmu, kemahiran dan teknologi dalam sesuatu bidang seterusnya menambah baik kehidupan orang awam. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN**

berkenaan dikecualikan sebarang bentuk cukai. Setiap peralatan yang dibeli melalui geran penyelidikan bukanlah menjadi hak milik penyelidik tetapi milik unit, jabatan atau fakulti berkenaan.

Kebanyakan geran penyelidikan yang diperoleh penyelidik di universiti adalah daripada kerajaan, universiti, syarikat swasta dan perbadanan awam. Sebahagiannya diberikan geran untuk membantu menjayakan penyelidikan untuk membeli peralatan yang mahal dan sukar diperoleh di dalam negara. Persoalan sama ada penyelidikan berkenaan menghasilkan *output* atau perkhidmatan bukanlah ukuran kerana sudah tentu setiap penyelidikan ada hasilnya untuk kegunaan semua. Kita perlu ingat bahawa penyelidikan pada zaman sekarang melibatkan teknologi canggih yang harganya jutaan ringgit. Sekiranya dapatan penyelidikan boleh dikomersialkan, maka nilainya juga sudah tentu jutaan ringgit.

Lantaran, penenaan GST terhadap geran penyelidikan akan meningkatkan kos untuk menjalankan penyelidikan. Maknanya, penyelidik akan dibebani kos yang lebih tinggi. Terutama sekali bagi penyelidikan dalam bidang-bidang yang memerlukan peralatan cang-

gih dan mahal seperti ketenteraan, telekomunikasi, pengangkutan darat, laut dan udara, kesihatan dan perubatan dan sebagainya. Justeru, kita perlu belajar daripada beberapa amalan penyelidikan di negara luar yang meningkatkan geran penyelidikan dan mengecualikan peruntukan itu daripada cukai. Begitu juga dengan penajanaan pendapatan melalui wakaf yang sepatutnya diberikan pengecualian cukai pendapatan di bawah Seksyen 44 Akta Cukai Pendapatan 1967.

Dalam keghairahan universiti awam untuk menjana pendapatan, pihak-pihak berkenaan perlu lebih prihatin dalam memastikan kualiti penyelidikan tidak terganggu. Sebaliknya, dengan kekangan bajet, insentif perlu diberikan dalam bentuk pengecualian cukai bagi menajmin penyelidikan berkualiti dan bukanlah menjalankan penyelidikan untuk maksud menjalankannya semata-mata. Penyelidikan bukanlah hanya menghasilkan laporan yang cantik, malah penyelidikan sepatutnya melahirkan dapatan dan penemuan ilmu baharu demi kesejahteraan manusia sejagat.

**PROFESOR DR. ISMAIL OMAR** ialah Pensyarah di Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.